

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan penggubalan Akta Pencemaran Merentas Sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian telah meneliti draf pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] bersama pakar undang-undang alam sekitar. Berdasarkan penelitian Kementerian, draf pindaan akta ini adalah komprehensif dan holistik serta memerlukan pelaksanaan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan khususnya agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak industri dan pemegang taruh yang berkaitan.
2. Kementerian berhasrat untuk memantapkan Akta 127 ini secara menyeluruh termasuk dalam elemen-elemen berikut iaitu:
 - (i) memasukkan elemen perubahan iklim;
 - (ii) pelestarian alam sekitar; dan

(iii) penalti kepada kesalahan yang lebih berat.

3. Disebabkan keperluan yang mendesak, pindaan kepada penalti kepada kesalahan akan diutamakan dahulu susulan beberapa insiden pencemaran sungai yang telah menyebabkan gangguan bekalan air mutakhir ini.

4. Kementerian akan melaksanakan pindaan Akta 127 secara berfasa. Dalam hubungan ini, fasa pertama akan memberi fokus kepada elemen kompaun, penalti dan standard bagi memastikan tindakan tegas dapat diambil ke atas pelaku dan pesalah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Ahli Yang Berhormat,

5. Kementerian juga telah meneliti kewajaran penggubalan Rang Undang-Undang Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan dari pelbagai sudut merangkumi kebolehlaksanaan undang-undang yang akan digubal, hubungan diplomatik dan elemen pencegahan pencemaran alam sekitar. Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, Kerajaan tidak akan meneruskan cadangan penggubalan Rang Undang-Undang Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan. Perkara ini mengambil kira maklumbalas daripada pakar undang-undang berkenaan kesukaran mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi tujuan pendakwaan.

6. Sekiranya RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan ini dikuatkuasakan, bukti jelas bahawa punca jerebu merentas sempadan yang berlaku adalah berpunca dari negara jiran perlu disokong oleh data-data yang mencukupi seperti peta lokasi, koordinat, maklumat pemilik tanah dan syarikat yang beroperasi di lokasi kebakaran. Perkara ini melibatkan kerahsiaan, keselamatan dan kedaulatan negara punca jerebu. Selain itu, maklumat syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di negara luar juga sukar diperoleh memandangkan ekuiti majoriti dipegang oleh rakyat tempatan di negara syarikat beroperasi.

7. RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan juga didapati tidak selari dengan prinsip ASEAN, di mana sekiranya terdapat sebarang pertikaian di kalangan negara ahli, perkara tersebut perlu ditangani secara rundingan (*amicably*). Pelaksanaan perkara ini boleh menjejaskan hubungan baik yang telah terjalin antara Malaysia dan Indonesia. Semua isu yang dihadapi sewajarnya ditangani secara rundingan bersama serta melalui platform di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* (AATHP).

8. Pelbagai pendekatan boleh diambil kira untuk dilaksanakan bagi menangani pencemaran alam sekitar terutamanya isu jerebu merentas sempadan dan tidak hanya dengan penggubalan undang-undang semata-mata. Isu jerebu merentas sempadan tidak dapat diselesaikan hanya dengan penggubalan undang-undang semata-mata.

9. Pendekatan secara diplomasi dan rundingan adalah jalan yang lebih baik untuk menangani isu jerebu merentas sempadan secara kolektif. Dalam hal ini, Kerajaan akan melaksanakan pendekatan secara holistik melalui hubungan diplomatik yang erat dan kerjasama teknikal bagi memantapkan lagi keupayaan antara negara khususnya dalam bidang penyelidikan, teknologi berkaitan pengurusan tanah gambut serta operasi pemadaman kebakaran. Perkara ini juga adalah selaras dengan Artikel 16 – Kerjasama Teknikal dan Artikel 17 – Kajian Saintifik, Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan yang menekankan perkongsian kepakaran teknologi, teknik dan pengetahuan serta menyokong pelaksanaan penyelidikan saintifik dan teknikal berhubung pengurusan kebakaran tanah gambut dan hutan serta kaedah pemadaman kebakaran yang berkesan.

10. Selain itu, Kerajaan juga akan meneliti dan menambahbaik pelan komunikasi insiden jerebu merentas sempadan bagi memastikan penyampaian maklumat yang tepat, berkesan serta mengelakkan pertikaian yang mengeruhkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara jiran.

Sekian, terima kasih.